

Bantuan industri pertanian wajar diberi perhatian

Harapan peladang menjelang pembentangan Belanjawan 2020

2020
BELANJAWAN

Oleh Siti Aisyah Narudin

UB 9.10.2019 - 7

KOTA KINABALU: Input pertanian dan kejenteraan ladang kepada penggiat industri antara bantuan yang diharap dapat diberi perhatian kerajaan dalam Belanjawan 2020.

Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Sabah Anita Misuari berkata, bantuan untuk industri padi dan beras juga perlu diteruskan.

Menurutnya, pengusaha padi bukit juga seharusnya menerima peruntukan bagi membantu meningkatkan hasil produktiviti padi bukit di negeri ini.

“Bagi Belanjawan 2020 ini, kerajaan boleh mempertimbangkan insentif cukai atau pengecualian tarif bagi peralatan, bahan

atau material yang terpaksa diimport.

“Bantuan seumpama ini penting untuk manfaat para pengusaha dan pemain industri yang menggunakan teknologi tinggi.

“Langkah ini bagi menggalakkan lebih ramai pihak melabur dalam bidang pertanian moden berteknologi tinggi yang menggunakan teknologi atau sistem dari luar negara,” katanya ketika dihubungi Utusan Borneo di sini semalam.

Beliau berkata, bantuan dalam bentuk geran pemadanan (matching grant) untuk pemilikan jentera kecil bagi membajak sawah juga boleh dipertimbangkan.

Katanya, bantuan sedemikian dapat menggalakkan lebih ramai penyedia perkhidmatan membajak.

Selain itu jelasnya, golongan agroprenuer muda juga perlu disediakan bantuan dalam bentuk pinjaman lembut (soft loan) dengan caj yang rendah.




ANITA

Anita berkata, ia bagi menggalakkan golongan agroprenuer muda menceburkan diri dalam sektor pengeluaran makanan, industri hiran dan pasaran atas talian (online).

Menurutnya, setakat ini terdapat kira-kira 76,000 ahli pertubuhan peladang yang berdaftar di seluruh Sabah.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Ekonomi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr. Rafiq Idris berkata,



RAFIQ

Belanjawan 2020 dirancang di bawah persekitaran ekonomi global yang mencabar bagi kerajaan.

Katanya, keadaan ekonomi global bergerak perlahan selain berlakunya perang perdagangan di antara negara pemegang ekonomi besar dunia.

Sehubungan itu katanya, ia sesuatu yang mencabar kepada kerajaan kerana dalam masa sama perlu merancang untuk mengurangkan beban hutang negara.